

NO SOALAN : 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
(IPOH TIMOR)**

**TARIKH : 31.3.2015
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak penubuhannya. Adakah Kerajaan bercadang dan berhasrat untuk memansuhkan program ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan semenjak Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dilaksanakan pada tahun 2004 hingga 2014 adalah sebanyak RM7.06 billion. Pelaksanaan PLKN selepas tahun 2015 bergantung kepada keputusan Makmal Transformasi PLKN yang sedang dilaksanakan pada 23 Februari 2015 hingga 27 Mac 2015.